

08 JUN 1998

Mahathir-KLIA

KLIA SEDIA DIBUKA IKUT JADUAL, KATA MAHATHIR

SEPANG, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan kemajuan kerja-kerja terakhir pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dan berkata ia bersedia untuk dibuka pada 27 Jun ini.

"Perkembangan yang ditunjukkan nampaknya baik, pembinaannya bermutu tinggi, dan nampak Sistem Pengurusan Bersepadu Lapangan Terbang memang juga tak jadi masalah," katanya pada persidangan berita selepas melawat KLIA petang ini.

Dr Mahathir berkata dalam lawatan peribadinya ke KLIA beberapa minggu lepas, beliau agak khuatir ia tidak dapat disiapkan mengikut jadual tetapi hari ini beliau sangat berpuas hati dengan kemajuan yang ditunjukkan.

Pembinaan KLIA bermula empat tahun lepas di atas tanah seluas 10,000 hektar dengan belanja RM9 bilion. Ia mampu mengendalikan 25 juta penumpang setahun.

Ia akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar 27 Jun ini dan beroperasi sepenuhnya mulai 30 Jun.

Dr Mahathir berkata pemaaju lapangan terbang itu, KLIAB, telah berjaya menghasilkan kepakaran sendiri dalam pembinaan projek berkenaan.

"Projek ini berharga 9 bilion ringgit, bukan \$9 bilion dolar Amerika. Orang lain buat lapangan terbang yang lebih kecil daripada ini dan bayar lebih daripada \$9 bilion dolar dan dapat disiapkan dalam masa empat tahun iaitu setahun untuk kerja-kerja tanah, tiga tahun untuk pembinaan bangunan.

"Ini pada pendapat saya adalah satu rekod memandangkan bahawa mereka menguruskan pembangunan sebegini besar dan kompleks yang memerlukan 25,000 pekerja dan 300 kontrak," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada KLIAB kerana berjaya menyiapkan lapangan terbang itu dalam jangka masa yang pendek.

Ketika ditanya sama ada kos pembinaan yang rendah menjejaskan mutu pembinaan, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada kompromi. Anda boleh lihat sendiri kualitinya sangat baik, penyiapannya juga sangat kemas, kerja pembinaan elok dan rekabentuknya sangat inovatif dan kualiti perabotnya juga bagus".

Mengenai Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, Perdana Menteri berkata ia kini bernilai RM20 bilion dan akan terus digunakan untuk pelbagai kegunaan termasuk oleh Tabung Haji, servis dan pembaikan pesawat serta untuk penerbangan umum mengikut keperluan.

Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga terletak berhampiran lapangan terbang itu.

Dr Mahathir berkata keputusan membina KLIA dibuat pada masa yang betul kerana jika tidak, ia tidak mungkin dapat dibina dengan harga RM9 bilion.

Katanya pihak pengurusan KLIA akan mengambil kira semua aduan dan pandangan orang ramai untuk memperbaiki mutu perkhidmatan KLIA daripada semasa ke semasa termasuk khidmat pengangkutan awam dan papan-papan tanda di sekitar lapangan terbang itu.

Yang turut serta dalam lawatan itu ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Pengerusi KLIAB Tan Sri Clifford Herbert.

-- BERNAMA

RAZ AFY oba